



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2019  
13 JULAI 2019**

---

Bermula tahun ini, buat pertama kalinya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan 7 Jun pada setiap tahun sebagai Hari Keselamatan Makanan Sedunia (*World Food Safety Day*). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyambut baik inisiatif ini dan menyokong sepenuhnya pelaksanaan Hari Keselamatan Makanan Sedunia.

Pada tahun ini, pihak Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memilih tema '*Food Safety Everyone's Business*' atau 'Keselamatan Makanan, Tanggungjawab Setiap Individu'. Tema pada tahun ini menumpukan pada kepentingan tanggungjawab bersama ke atas keselamatan makanan bagi memastikan bekalan makanan yang selamat kepada kira-kira 7.7 bilion penduduk di seluruh dunia.

PBB turut mengundang semua pihak yang terlibat, termasuk pihak berkuasa, industri, pengguna, organisasi antarabangsa yang berkaitan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan ahli akademik untuk mengambil bahagian dalam aktiviti meningkatkan kesedaran keselamatan makanan di semua peringkat. Dengan adanya Hari Keselamatan Makanan Sedunia ini, ia dapat membantu semua pihak memberi tumpuan dalam mencegah, mengesan dan menguruskan risiko penyakit bawaan makanan.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sebagai pihak yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan keselamatan dan kualiti makanan di negara ini akan terus mempergiatkan usaha ke arah tersebut. Pada tahun 2018, sebanyak 126,896 premis makanan di seluruh negara telah diperiksa di mana sejumlah 124,594 (98.2%) adalah bersih. Manakala hanya 2,302 (1.81%) premis makanan yang diperiksa adalah tidak bersih termasuk restoran dan kedai makan telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983. Selain itu, sebanyak 24,565 kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis

makanan yang tidak mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Makanan 1983.

Pemantauan terhadap produk makanan yang dijual di pasaran tempatan melalui aktiviti pensampelan makanan yang diambil di pasaran tempatan dan juga di pintu masuk negara secara keseluruhannya adalah selamat. Dari tahun 2017 hingga Mei 2019, 95.8% sampel produk makanan di pasaran tempatan serta 99.3% sampel produk makanan yang diimport di seluruh Malaysia didapati mematuhi Akta Makanan 1983.

KKM turut menawarkan pensijilan program jaminan keselamatan makanan bagi membantu industri makanan berdaya saing dan memperkukuhkan produk makanan mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa. Sehingga tahun 2018, sebanyak 655 premis pengilangan makanan telah mendapat pensijilan HACCP, 701 telah mendapat pensijilan GMP dan 4,447 telah mendapat pensijilan MeSTI.

KKM juga telah memperkenalkan Skim Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) sejak tahun 2013 kepada pengusaha premis outlet makanan dalam memastikan outlet makanan bersih dan makanan adalah selamat. Pengiktirafan ini akan membantu outlet makanan bagi memenuhi keperluan perundangan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Sehingga Mei 2019, sebanyak 6,343 premis outlet makanan telah mendapat pengiktirafan BeSS di seluruh negara.

Pengguna boleh merujuk logo HACCP, GMP atau MeSTI dari KKM pada produk makanan bagi mendapatkan produk yang diyakini selamat dan memilih premis outlet makanan yang memaparkan logo BeSS.

KKM akan terus memperkukuhkan lagi kawalan keselamatan makanan negara bagi memastikan rakyat Malaysia terus menikmati makanan yang selamat. Semua pihak yang terlibat mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam usaha memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai makanan seperti mana tema Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada tahun ini iaitu "**Keselamatan Makanan Adalah Tanggungjawab Setiap Individu**".

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**13 JULAI 2019**